

Tingkat kemahiran pengurusan pejabat



KENANGAN ... Sembilan peserta terdiri daripada pelbagai pejabat atau entiti yang khusus dalam pengurusan pejabat masing-masing dijemput untuk mengikuti Bengkel Pemantapan Pengurusan Pejabat rakam kenangan.

BINTULU: Seramai sembilan peserta mengikuti Bengkel Pemantapan Pengurusan Pejabat yang diadakan di Bilik Mesyuarat Pejabat Pendaftar Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB), baru-baru ini.

Menurut satu kenyataan daripada UPMKB, bengkel itu bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pengurusan pejabat dan memberikan pendedahan kepada pemantapan gaya bentuk penulisan dalam minit mesyuarat dan kertas kerja.

"Bengkel ini dijayakan dengan jemputan penceramah, iaitu Ketua Pentadbiran UPMKB, Noor Hakim Ahmad dan Penolong Pendaftar,

Pejabat Pendaftar UPMKB, Mohd Amaludin Salleh.

"Peserta didedahkan dengan teknik merekod minit mesyuarat dengan betul serta pentingnya mendokumentasi maklumat yang disampaikan dalam mesyuarat," katanya.

Selain itu, bengkel tersebut turut menampilkkan perkongsian idea antara peserta dan penceramah yang membincang aspek pengurusan pejabat dan susun atur penulisan supaya maklumat yang disampaikan memberi kesan kepada produktiviti pejabat atau entiti masing-masing.

"Sesi ini memberi peluang kepada peserta untuk membin-

cangkan cabaran dalam menyusun minit mesyuarat dan kertas kerja dengan lebih tersusun dengan format yang betul.

"Bengkel ini diharapkan dapat memberi manfaat yang signifikan kepada peserta dengan memberi mereka kepada pendedahan yang lebih mendalam akan format kertas kerja dan minit mesyuarat terkini.

"Bengkel ini bukan sahaja mampu membantu individu meningkatkan kemahiran mereka, tetapi juga boleh menyumbang kepada peningkatan produktiviti pejabat atau entiti secara keseluruhan dalam UPMKB," ujar kenyataan itu.